

<p>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS PERJALANAN (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda mengambil keputusan mendapatkan <u>Pelan Insurans TravelStar</u>. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang tersebut di dalam polisi).</p>	<p>Ruj. Kami : 01/01/2010 Nama Penawar Khidmat Kewangan : Uni.Asia General Insurance Bhd. Nama Produk : Pelan Insurans TravelStar Tarikh :</p>
--	---

1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?

Polisi ini menawarkan perlindungan komprehensif bagi kecemasan ketika perjalanan, termasuk Kemalangan Diri hinggalah kepada Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Balik.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Polisi ini memberi perlindungan ke atas:

- Kemalangan Diri;
- Perbelanjaan Perubatan;
- Kehilangan dan Kesulitan;
- Liabiliti;
- Perkhidmatan Kecemasan.

Tempoh perlindungan untuk perjalanan satu hala ialah 90 hari, untuk perjalanan dua-hala ialah selama 185 hari dan untuk perlindungan tahunan ialah selama 1 tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Bayaran premium akan dikira berdasarkan kawasan dan tempoh masa perlindungan adalah seperti di bawah:

TEMPOH MASA INSURANS	INDIVIDU (RM)	KELUARGA (RM)
ASIA		
1 - 5 hari	32	72
6 - 10 hari	46	110
11 – 18 hari	62	150
19 – 31 hari	72	200
Setiap tambahan minggu	20	50
Tahunan	224	460
SELURUH DUNIA (TIDAK TERMASUK AMERIKA SYARIKAT & CANADA)		
1 - 5 hari	42	100
6 - 10 hari	60	140
11 – 18 hari	95	235
19 – 31 hari	130	300
Setiap tambahan minggu	35	85
Tahunan	336	545
SELURUH DUNIA (TERMASUK AMERIKA SYARIKAT & CANADA)		
1 - 5 hari	52	130
6 - 10 hari	80	195
11 – 18 hari	120	305
19 – 31 hari	170	435
Setiap tambahan minggu	45	110
Tahunan	364	610

Nota : * Pelan Individu – Pencadang berumur 19 tahun sehingga umur 80 tahun

** Pelan Keluarga – Pencadang, Isteri/Suami berumur 19 tahun sehingga umur 80 tahun, dan kesemua anak berumur 18 tahun dan kebawah.

4. Berapakah bayaran serta caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran serta caj-caj yang perlu dibayar adalah:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen insurans	25 peratus daripada jumlah premium
Duti setem	RM10.00

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang patut diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang patut diberi perhatian ialah “Tanggungjawab untuk memberitahu”, di mana anda mesti memberitahu semua fakta atau maklumat contohnya destinasi perjalanan anda yang akan mempengaruhi profil risiko.

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Polisi ini tidak memberi perlindungan ke atas kematian atau kecederaan disebabkan oleh keadaan-keadaan berikut:

- a) Risiko peperangan;
- b) Bunuh diri dan hilang akal;
- c) Kecederaan yang disengajakan;
- d) AIDS atau sebarang penyakit berkaitan atau menjalani ujian darah berkaitan HIV/AIDS;
- e) Pembunuhan akibat daripada rasa marah atau serangan; dan
- f) Aktiviti sukan yang berbahaya.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, bayaran balik untuk premium yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.

8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat surat-menyurat saya?

Anda hendaklah memberitahu kami sebarang perubahan pada maklumat surat-menyurat anda. Ini adalah untuk memastikan semua dokumen berkaitan dapat diterima oleh anda dalam masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk kepada naskhah *insuranceinfo* berkaitan ‘Insurans Pengembara’, yang terdapat di semua pejabat cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinan naskhah daripada agen insurans atau layari laman web *insuranceinfo* di www.insuranceinfo.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Uni.Asia General Insurance Berhad
Tingkat 9, Menara Uni.Asia,
1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-800-888-990
Tel : 03-2693 8111
Faks : 03-2693 0111
www.uniasiageneral.com.my

10. Insurans Perjalanan lain yang ditawarkan.

Tiada.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMAHAMI TENTANG SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN KECACATAN BAGI POLISI INSURANS ANDA. ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCALONKAN PENAMA SERTA MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH DIBELI. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Januari 2010.